

ANALISIS KONSEP AF'AL ALLAH DAN AF'AL AL-'IBAD DALAM PENGURUSAN BENCANA WABAK COVID-19 MENURUT PERSPEKTIF AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Adam bin Badhrulhisham

adambadhru@kuim.edu.my

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Md Fahami Shukri bin Dzulkarnain

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

Abstrak

Penularan wabak COVID-19 atau SARS-CoV-2 iaitu penyakit yang menyerang sistem pernafasan baru-baru ini mencetuskan fenomena panik di peringkat global. Pada 11 Mac 2020 Kesatuan Kesihatan Dunia (World Health Organization atau WHO) telah mengumumkan penularan wabak ini sebagai satu pandemik yang memerlukan tindakan drastik di serata dunia. Pandemik ini telah mencetuskan pelbagai respon masyarakat di samping persoalan khususnya dalam soal perbuatan Tuhan. Lebih-lebih lagi kluster penularan wabak ini di Malaysia (setakat penulisan ini) yang terbesar ialah daripada kluster yang bersangkutan dengan agama Islam. Justeru penulisan berbentuk konseptual ini akan menganalisis pandangan mazhab Ahlu Sunnah wal Jamaah dalam soal af'al Allah dan af'al al-'ibad dalam konteks penularan wabak ini bagi memberi gambaran sikap yang sepatutnya dipamerkan dalam menghadapi bencana ini. Metodologi yang digunapakai dalam kajian ini ialah kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen yang terdiri daripada karya-karya utama akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Kajian mendapati akidah Ahli Sunnah wal Jamaah berpegang dengan pendapat yang sederhana iaitu walaupun wabak ini ialah ketentuan dari Allah SWT, ia tidak menafikan peranan dan usaha manusia sebagai makhluk yang diberikan ikhtiar dalam menghadapi pandemik ini.

Kata kunci: Konsep Af'al Allah & Af'al Al-'Ibad; Covid-19; Ahli Sunnah Wal Jamah

ANALYSIS OF THE CONCEPTS OF AF'AL ALLAH AND AF'AL AL-'IBAD IN COVID-19 DISASTER DISASTER MANAGEMENT ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF SUNNAH WAL JAMAAH

Abstract

The recent outbreak of COVID-19 or SARS-CoV-2 which is a disease attacking the respiratory system has triggered a globally phenomenon of panic. On March 11, 2020 the World Health Organization (WHO) has announced that the spread of this disease as a pandemic which requires drastic action across the world. The pandemic has sparked various responses and questions throughout the community especially in the matter of God's action. Moreover the largest cluster of the pandemic in Malaysia (as of this writing) comes from a group linked to Islam. Therefore this conceptual piece of writing will analyze the matter of af'al Allah and af'al al-'ibad according to Ahli Sunnah wal Jamaah in the context of the pandemic to demonstrate the appropriate attitude that should be exhibited in the face of this pandemic. Metode used for the research is qualitative with document analysis design related on akidah Ahli Sunnah wal Jamaah works. Study found that Ahli Sunnah wal Jamaah hold a moderate opinion in this matter that although this pandemic is a provision of Allah SWT, it does not deny the role and effort of human beings as creature given discretion in facing the pandemic.

Keywords: Konsep Af'al Allah & Af'al Al-'Ibad; Covid-19; Ahli Sunnah Wal Jamah

PENGENALAN

Pada Disember 2019, sejenis penyakit yang berpunca daripada keluarga Coronavirus yang baru dikenal pasti di daerah Wuhan, China. Virus baharu ini akhirnya dinamakan sebagai 2019-Novel Coronavirus (2019-nCoV) dan kemudiannya digelar oleh WHO sebagai COVID-19. Penyakit ini menyerang sistem pernafasan mangsa yang dijangkiti sehingga boleh mengakibatkan kematian. Pada

1 Mac 2020 sebanyak 87,137 kes di seluruh dunia direkodkan dengan jumlah kematian mencecah 2977 orang justeru menjadikan kadar kematian yang berpunca daripada penyakit ini mencecah 3.4% (Yan Rong-Guo et. al, 2020).

Sementara itu di Malaysia sehingga 1 April 2020 sebanyak 2908 kes jangkitan telah direkodkan dengan 45 jumlah kematian dan 645 kes yang telah disahkan sembuh. Ini menjadikan kadar kematian akibat COVID-19 di Malaysia ialah kira-kira 1.5% (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Gelombang kedua COVID-19 di Malaysia tercetus kebanyakannya daripada program ijtimaq tabligh yang diadakan pada 27 Februari 2020 di Masjid Sri Petaling, Selangor. Perkara ini awalnya dapat dikenal pasti apabila seorang peserta ijtimaq berkenaan daripada Brunei disahkan positif COVID-19 selepas pulang daripada program tersebut yang dihadiri oleh lebih 10,000 peserta dari serata dunia (Noor Atiqah, 2020). Perkara ini menjadikan program ijtimaq tabligh tersebut sebagai kluster jangkitan terbesar di Malaysia daripada beberapa kluster lain. Malaysia menyaksikan peningkatan jumlah jangkitan yang mendadak bermula 15 Mac 2020 dengan 190 kes berbanding 41 kes pada hari sebelumnya. Julat jumlah ini terus konsisten dengan pertambahan lebih 100 kes setiap hari sehinggalah ketika artikel ini ditulis pada 5 April 2020 dengan jumlah terkini ialah sebanyak 3483 kes dengan 57 kes berakhir dengan kematian (Worldometer, 2020). Menurut Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, 40 peratus daripada jumlah kes positif adalah dari kluster tabligh. Menurut beliau sehingga 3 April sebanyak 15,380 sampel telah diambil daripada kluster berkenaan dengan 1407 kes positif, 10,000 negatif dan selebihnya masih menunggu keputusan (Rafidah et. al, 2020).

Hal ini sedikit sebanyak mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Ini kerana meskipun kebanyakan pandangan negatif terhadap mereka telah dibuktikan sebaliknya, wujud persepsi buruk yang masih berlegar dalam kalangan masyarakat umpama golongan tabligh tidak mementingkan urusan dunia, lebih cenderung bersifat malas, mengabaikan tanggungjawab dan berpandangan negatif terhadap kemajuan sains dan teknologi (Khairin Shareep, 2018). Situasi ini bertambah buruk apabila pemimpin Jemaah Tabligh Maulana Mohammad Saad Kandhalvi dilaporkan berpesan kepada ahli jemaah supaya mengabaikan arahan berkurung yang dikeluarkan oleh kerajaan dan hadir beramai-ramai ke masjid dalam satu ucapan beliau di Markaz Nizamudin India. Menurut laporan tersebut beliau mengatakan sekiranya ditakdirkan untuk mati maka masjidlah tempat yang terbaik. Rakaman audio itu bagaimanapun tidak dapat dipastikan keasliannya (Munish Chandra, 2020). Walaupun selang beberapa hari beliau dilaporkan menarik semula ucapan tersebut dan berpesan kepada ahli jemaah supaya patuh kepada pihak berkuasa, penuliran klip ucapan beliau sudah tentu mengundang lebih banyak persepsi negatif terhadap jemaah tabligh dan lebih membimbangkan terhadap agama Islam itu sendiri. Dakwaan demikian dikhuatiri akan mengakibatkan sikap sambil lewa dan tidak ambil kisah terhadap fenomena semasa akan dikaitkan dengan agama Islam, akibat salah faham terhadap konsep perbuatan Tuhan dan perbuatan manusia menurut agama ini. Justeru penulisan ini akan mengupas konsep perbuatan Allah dan perbuatan hamba menurut Ahli Sunnah wal Jamaah dalam berhadapan dengan penuliran wabak COVID-19.

AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH DALAM KONTEKS PERBUATAN MAKHLUK

Soal perbuatan Allah SWT (af'al Allah) merupakan antara perkara pokok yang dibincangkan dalam akidah. Tumpuan para ulama apabila membahaskan soal ini ialah bagaimana hubungan perbuatan hamba (af'al al-ibad) dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dalam takdirNya (Mohd Hamidi et. al, 2015).

Secara asasnya, kelompok Asya'irah berpegang bahawa Allah SWT bersifat dengan qudrah iaitu maha berkuasa dan iradah iaitu berkehendak Dia atas segala sesuatu dan Dialah yang mentadbir segalanya mengikut kehendakNya. Tiada apa yang berlaku di alam ini sama ada kecil atau besar, baik atau buruk, manfaat atau mudarat, iman atau kekufuran, untung atau rugi, taat atau maksiat melainkan semuanya tertakluk dengan kuasa dan kehendak Allah SWT melalui qada' dan qadarnya yang disertai hikmah (kebijaksanaan) daripadanya (al-Sinan, 2010). Menurut mazhab Asya'irah, segala yang berlaku di alam ini adalah atas ketetapan yang terkandung dalam pengetahuan dan kuasa Allah SWT

termasuklah perbuatan makhluk. Beliau menqiyaskan hal ini dengan persoalan adakah Allah SWT boleh mengajarkan perkara yang tidak diketahuinya? Jawabannya sudah tentu tidak kerana Allah SWT Maha Mengetahui. Maka begitulah juga halnya dengan takdir, Allah SWT tidak menetapkan sesuatu melainkan Dia berkuasa ke atasnya sebagai suatu ketetapan. Menurut al-Asy'ari 'seorang manusia tidak berupaya melakukan sesuatu perbuatan sebelum Allah melakukan perbuatan tersebut disebabkan manusia tidak dapat terlepas daripada kuasa, kehendak dan ilmu Allah SWT dan tidak ada pencipta (yang mutlak) melainkan Dia dan perbuatan manusia itu merupakan satu makhluk' (al-Asy'ari, 2009). Al-Asy'ari telah menyatakan segala perbuatan secara hakiki datang dari Allah SWT namun beliau menegaskan kewujudan satu konsep iaitu usaha (kasb) dengan maksud perbuatan manusia yang lahir dengan perantaraan daya kekuasaan dan kehendak Tuhan (al-Asy'ari, 1955). Menurut al-Asy'ari, walaupun Tuhan merupakan pencipta hakiki perbuatan manusia namun perbuatan itu mesti dibezakan antara perbuatan terpaksa (idhtirari) dengan perbuatan pilihan (ikhtiyari). Perbuatan pilihan; tidak seperti perbuatan terpaksa, terdapat kemampuan manusia terhadapnya dan itulah yang disebutkan sebagai al-kasb. Beliau berpendapat seandainya segala perbuatan baik atau buruk disandarkan sepenuhnya tanpa adanya kemampuan manusia padanya maka di manakah letaknya kebertanggungjawaban manusia atas perbuatannya (Fuad Mahbub, 2013).

Pandangan ini akhirnya menjadi pegangan ulama mazhab Asya'irah dan dinukilkan dalam karya-karya mereka. Antaranya al-Baghdadi yang menegaskan al-kasb itu berpunca secara hakiki daripada Allah SWT dan merupakan ciptaanNya seperti Dia menciptakan jisim, warna dan lain-lain (al-Baghdadi, 1928). Begitu juga seperti yang dijelaskan oleh al-Jurjani bahawasanya perbuatan makhluk yang ikhtiyari terjadi dengan qudrah Allah SWT dan makhluk tidak mampu memberi kesan apa pun terhadapnya melainkan dengan ketetapan Allah SWT. Apabila tiada penghalang (mani') terhadap berlakunya perbuatan tersebut maka terjadilah ia sesuai dengan takdirNya dengan disertai kuasa Allah SWT dengan pilihan yang diberikan kepada makhluk (al-Jurjani, 1998). Ikhtiar manusia juga dianggap tidak memberi kesan kepada takdir yang azali dan qadim kerana ikhtiar makhluk bersifat baharu (huduth) dan tidak mungkin sesuatu yang baharu akan memberi kesan kepada sesuatu yang qadim (al-Jami, t.t). Meskipun pandangan ini dilihat membuka ruang kepada dakwaan kecenderungannya kepada fahaman Jabariyyah, ia dianggap memiliki kesan positif iaitu mampu menekankan kehadiran Tuhan dalam hidup manusia (Fuad Mahbub, 2013).

Konsep kasb yang dipopularkan oleh al-Asy'ari berkembang pada zaman selepas beliau namun masih lagi dalam kerangka utama yang sama. Al-Baqillani (1957) misalnya menekankan usaha dan perlakuan manusia dalam menciptakan kasb. Namun begitu beliau mengingatkan kasb manusia itu berlaku bukanlah dengan usaha mutlak manusia tetapi melalui kuasa yang diciptakan untuknya (qudrah tuhdath lahu). Pendapat al-Baqillani ini dilihat senada dengan al-Juwayni yang kedua-dua mereka tergolong dalam kalangan ulama Asya'irah. Al-Asy'ari menekankan peranan Tuhan dalam kasb sedangkan al-Baqillani dan al-Juwayni lebih menekankan daya upaya manusia di dalamnya (Hadriansyah, 2009). Meskipun seakan terlihat perbezaan antara mereka, semua pendapat ini masih lagi dalam kerangka utama konsep kasb iaitu perbuatan manusia yang diusahakan oleh manusia dengan kuasa yang diberikan oleh Allah SWT yang tertakluk kepada kuasa, kehendak dan ilmu Allah SWT. Pada hakikatnya perbezaan sudut penekanan ini dapat difahami apabila melihat latarbelakang tokoh-tokoh terbabit; al-Asy'ari berdepan dengan arus Mu'tazilah yang amat besar di zamannya lantas penyandaran kembali kepada Allah SWT adalah satu keperluan utama ketika itu manakala al-Baqillani pula ialah seorang hakim yang setiap hari berurusan dengan jenayah dan perilaku manusia. Sudah tentu beliau cenderung untuk menekankan usaha manusia dalam perbuatannya berbanding Tuhan kerana tidak mungkin dapat diterima masyarakat sekiranya ketetapan hukum jinayat misalnya dilaksanakan atas perbuatan Tuhan (Hadriansyah, 2009).

Konsep kasb ini akhirnya memunculkan pembahagian istilah af'al kepada dua bahagian iaitu af'al Allah dan af'al al-'ibad. Perbezaan penggunaan istilah af'al Allah dan af'al al-'ibad hanya berlaku pada pelafazan (al-lafziyah) kerana secara hakikatnya segala yang berlaku adalah tertakluk kepada kehendak, kuasa dan pengetahuan Allah SWT. Walau bagaimanapun, pecahan istilah af'al ini tidak membawa maksud 'hamba dipaksa' (al-'ibad mujbarun) seperti yang difahami oleh golongan Jabariyyah atau 'hamba mencipta perbuatan (khaliq al-af'al) seumpama yang dipegang oleh golongan

Qadariyah (Mohd Hamidi et. al, 2015). Perbezaan doktrin Asya'irah ini jelas bertentangan dengan doktrin yang dibawa oleh golongan Muktazilah di mana Muktazilah, sepertimana Qadariyah berpegang dengan konsep free will dalam tindakan manusia dengan meminimumkan peranan Tuhan di dalamnya. Sedangkan Asya'irah meskipun tindakan manusia berpunca daripada daya usaha manusia, ia sama sekali tidak terlepas daripada kuasa dan kehendak Tuhan. Watt (1985) menggambarkan hubungan antara perbuatan manusia dengan kehendak dan perbuatan Tuhan menurut Asya'irah seperti berikut:

“.. he (al-Asy'ari) rejected the Mu'tazilite doctrine of free will, or man's ability to do an act or its opposite, and asserted the doctrine of 'acquisition' (kasb, iktosab) previously held by Dirar, according to which God creates the power to act of individuals but the individuals 'acquire' them; the act is God's creation in that it is only at the moment of action that He creates the power to act in the individual, and in that it is power to do only this act, not either this act or its opposite.”

Maksudnya: “Beliau (al-Asy'ari) menolak doktrin kebebasan kehendak atau kemampuan manusia untuk melakukan perbuatan (secara mutlak) atau sebaliknya dan beliau menegaskan doktrin 'perolehan/usaha' (kasb/iktisab) yang dipegang oleh Dirar sebelumnya di mana Tuhan yang menciptakan daya upaya untuk bertindak dan manusia memperolehinya. Perbuatan itu merupakan ciptaan Tuhan dan pada detik berlakunya perbuatan tersebut Dia menciptakan daya upaya bagi manusia untuk melakukannya, dan keupayaan ini hanya untuk perbuatan tersebut, bukan selainnya.” Pandangan demikian juga dijelaskan oleh ulama nusantara antaranya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani seperti yang ditegaskan dalam karya beliau Risalah Jumanah al-Tawhid (Wan Mohd Shaghir, 2009):

وليس للعباد خلق فعلها * ولم تكن مجبورة فانتبها
بل لهم الكسب والإختيار * بذن كلفهم الجبر
ومن يقل بين المسبب والسبب * تلازم عقلي فجعله عطب

Maksudnya: “Dan tiadalah bagi hamba itu menciptakan perbuatannya, maka ketahuilah bahawa tidak juga hamba itu dipaksakan ke atasnya. Bahkan bagi hamba itu kasb dan ikhtiyar. Dan barang siapa yang mengurangkan (peranan) sebab dan penyebab, maka dia telah terjerumus ke dalam kejahilan” Oleh itu, secara ringkasnya dirumuskan bahawa perbuatan manusia mengandungi dua elemen. Pertama, ikhtiar manusia yang bermaksud daya kehendak untuk melakukan sesuatu (ta'alluq iradah) dan usaha manusia yang bermaksud daya usaha manusia kepada sesuatu (ta'alluq qudrah). Walau bagaimanapun keadaan kedua ta'alluq ini hanya bersifat mendampingi sahaja (ta'alluq muqaranah) iaitu ianya tidak mampu memberi sebarang kesan atau hasil dengan bersendirian tanpa bertepatan dengan kehendak dan kuasa Allah SWT (Abdul Aziz Umar Ahmad, 2014).

Pandangan seumpama ini jelas berpandukan ayat suci al-Quran. Antaranya firman Allah SWT di dalam Surah al-Nisa' ayat 78:

وَإِنْ تُصِبُّهُمْ حَسَنَةٌ يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَإِنْ تُصِبُّهُمْ سَيِّئَةٌ يَقُولُوا هَذِهِ مِنْ عِنْدِكَ
قُلْ كُلٌّ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ فَمَالِ هَتُّؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا

Maksudnya: “... dan kalau mereka beroleh kebaikan (kemewahan hidup), mereka berkata: "Ini adalah dari sisi Allah", dan kalau pula mereka ditimpa bencana, mereka berkata:" ini adalah dari (sesuatu nahas) yang ada padamu". Katakanlah (Wahai Muhammad): "Semuanya itu (kebaikan dan bencana) adalah (berpunca) dari sisi Allah". maka apakah yang menyebabkan kaum itu hampir-hampir tidak memahami perkataan (nasihat dan pengajaran)?”

Ayat tersebut menjelaskan bahawa segala-gala perkara yang berlaku adalah berpandukan kehendak dan takdir Allah SWT. Menurut al-Tabari, ayat ini diturunkan berkenaan sikap orang munafik dalam

peperangan. Apabila mereka memperoleh kemenangan mereka akan menyandarkannya kepada Allah SWT akan tetapi sekiranya berdepan dengan kekalahan, mereka akan menyandarkannya pula kepada kesilapan Nabi SAW dalam urus tadbir baginda. Justeru Allah SWT memerintahkan agar baginda menyatakan bahawa sesungguhnya segala urusan baik atau buruk, menang atau kalah adalah dari ketentuan Allah SWT. Ada pun apabila diberikan kebaikan ia merupakan nikmat dariNya, namun apabila diberikan (ditetapkan) kesusahan ianya adalah sebagai ujian (al-Tabari, 2003). Walau bagaimanapun timbul pula konflik dalam ayat seterusnya:

مَا أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكَ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنْ نَفْسِكَ وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا

وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا

Maksudnya: “apa jua kebaikan (nikmat kesenangan) yang Engkau dapati maka ia adalah dari Allah; dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah dari (kesalahan) dirimu sendiri. dan Kami telah mengutus engkau (Wahai Muhammad) kepada seluruh umat manusia sebagai seorang rasul (yang membawa rahmat). dan cukuplah Allah menjadi saksi (yang membuktikan kebenaran hakikat ini).”

Allah SWT menjelaskan dalam ayat ini bahawa bencana dan kesusahan yang menimpa adalah dari diri (manusia) sendiri. Sekilas pandang seakan-akan terdapat percanggahan dengan ayat sebelumnya yang menegaskan Allah SWT sebagai punca segala perkara baik dan buruk. Dalam hal ini al-Zuhaili menyatakan bahawa tidak ada percanggahan antara kedua ayat kerana ayat ke-78 menjelaskan berkenaan segala kejadian adalah dari penciptaan dan takdirNya sedangkan ayat seterusnya adalah berkaitan hasil asbab usaha (kasb) dan dosa atau tindakan yang tidak berpandukan ilmu dan sunnatullah (al-Zuhaili, 2009). Hal demikian dapat dilihat dalam tafsiran para ulama tafsir misalnya al-Tabari (2003) yang menyatakan ‘min nafsik’ dalam ayat merujuk kepada sebab ‘dosa dan kesalahan kamu’. Pendapat yang serupa juga dikemukakan oleh al-Zamakhshary (2009) dan al-Baghawi (1989) dalam tafsir mereka. Justeru dapat difahami bahawa meskipun segala urusan dan keputusan adalah berpunca daripada ketentuan Allah SWT, manusia tetap diberikan pilihan untuk melaksanakan urusan mereka. Keputusan dan tindakan manusia dalam perkara yang dibenarkan ini akhirnya mampu memberi kesan kepada apa yang akan berlaku. Usaha manusia inilah nanti kemudiannya akan dipertanggungjawabkan pada hari akhirat.

Meskipun ayat-ayat yang dinyatakan tadi membincangkan perbuatan dalam konteks peperangan, kaedah asas yang penting dalam soal perbuatan Allah SWT dan manusia jelas dapat dilihat apabila diseimbangkan antara kedua-dua ayat ini.

TINDAKAN DALAM KONTEKS FENOMENA WABAK COVID-19

Penularan wabak COVID-19 semestinya memberikan impak yang begitu besar kepada aspek ekonomi dan sosial dunia secara umumnya dan Malaysia khususnya. Dalam konteks negara Malaysia fenomena sebegini dikatakan tidak pernah berlaku dalam sejarah negara. Kekhawatiran yang dirasakan oleh segenap umat manusia jelas kelihatan apabila perintah kawalan pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan bermula 14 Mac sehingga 31 Mac sebelum ia dilanjutkan lagi ke 14 April sebagai usaha kerajaan untuk mengekang penularan wabak berbahaya ini. Kerajaan Malaysia dilihat telah mengambil tindakan yang sewajarnya dan dilihat selari dengan konsep kasb dan ikhtiar. Selain itu PKP juga dilaksanakan bertepatan dengan kaedah yang dianjurkan oleh fiqh yang mengambil kira usaha bagi menjaga masalah rakyat. Ianya dilihat sebagai satu usaha dan ikhtiar di samping menyerahkan keputusan akhirnya kepada Allah SWT.

Amalan menjarakkan diri daripada masyarakat melalui perintah kawalan pergerakan dan penjarakan sosial dengan tujuan menjauhi wabak yang melanda juga adalah selari dengan kehendak akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dalam konsep af'al Allah dan af'al al-'ibad. Seorang hamba dikehendaki berusaha untuk mendapatkan kebaikan dalam kehidupannya dan menghindari sebarang kecelakaan dalam lingkungan kemampuannya. Dalam konteks penyakit, seorang hamba wajib berikhtiar atau berusaha untuk mencegah wabak ini menular ke dalam diri, keluarga dan masyarakat. Ia termasuk dalam kasb

yang mampu memberi kesan kepada apa yang akan berlaku seterusnya (sabab wa musabbab). Meskipun begitu, dalam pandangan Ahli Sunnah wal Jamaah ianya bukanlah bererti sabab wa musabbab lahir secara mutlak daripada usaha manusia. Ianya masih lagi tertakluk dalam takdir Allah SWT yang telah ditentukan sejak azali. Dalam ilmu akidah keadaan seseorang itu ditimpa penyakit sememangnya telah ditentukan oleh Allah SWT sejak azali selari dengan ketetapan takdirNya. Keadaan ini dinamakan sebagai ta'alluq sulhi qadim. Apabila tiba waktu ditimpakan penyakit, keadaan ini dinamakan sebagai ta'alluq tanjizi qadim. Kedua-dua ta'alluq ini menjelaskan ketetapan Allah SWT atas segala perkara yang berlaku sejak azali. Seterusnya apabila seorang hamba itu sama ada berwaspada dan mengambil langkah pencegahan dan akhirnya terselamat, atau tidak berbuat apa-apa dan menyerahkan sahaja tanpa usaha dan akhirnya dijangkiti, keadaan itu pula dinamakan sebagai ta'alluq tanjizi hadith. Walau bagaimanapun ketetapan takdir itu merupakan rahsia Allah SWT yang tidak diketahui oleh sesiapa pun. Oleh yang demikian menjadi tugas hamba untuk menjalani kehidupan dengan sebaik-baik ikhtiar dan daya usaha masing-masing. Pandangan Ahli Sunnah wal Jamaah adalah seimbang dan sederhana antara dua pandangan yang ekstrem iaitu Jabariyyah yang menafikan daya kasb manusia dengan Qadariyyah di satu pihak yang menafikan ketetapan Allah SWT dalam tindak tanduk manusia.

Setelah usaha dilakukan semampu mungkin hamba diarahkan untuk menyerahkan segalanya kepada Allah SWT pemilik ketentuan takdir. Tawakkal menurut Ahli Sunnah wal Jamaah mestilah diawali dengan usaha terlebih dahulu. Adapun bertawakkal tanpa berusaha dan menyerahkan secara mutlak dan beranggapan ianya adalah ketentuan takdir adalah perbuatan orang-orang yang jahil (al-Baghawi, 1989). Ahli Sunnah wal Jamaah meyakini bahawa seandainya telah ditetapkan dengan kehendakNya maka itulah yang tertulis baginya meskipun hasil itu bertentangan dengan tindakannya. Seumpama seseorang yang telah mengambil tindakan berjaga-jaga dengan sepenuhnya namun akhirnya tetap dijangkiti penyakit. Inilah yang dimaksudkan sebagai keseimbangan antara takdir dengan daya kasb manusia. Dalam keadaan demikian seorang hamba itu mestilah menganggap ketentuan itu sebagai ujian yang diberikan oleh Allah SWT dengan hikmahNya. Perkara ini disebutkan oleh Syekh Ahmad al-Fatani dalam Faridah al-Fara'id bahawa wajib bagi seorang hamba untuk tidak menisbahkan segala kejahatan itu kepada Allah SWT kecuali sebagai bentuk penjelasan dalam pembelajaran kerana dikhuatiri seseorang itu akan menggunakan alasan tersebut untuk mengerjakan maksiat dan terjerumus ke dalam fahama Jabbariyyah (Wan Mohd Shaghir, 2009).

Panduan hadis jelas menunjukkan kewujudan konsep kasb dalam menanggapi persoalan takdir. Hal ini dapat dilihat sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (2002) dalam sebuah hadis yang panjang berkenaan perjalanan khalifah Saidina Umar bin al-Khattab ke Syam pada tahun 18 Hijrah. Ketika rombongan beliau dalam perjalanan dari Madinah menuju ke Syam apabila sampai di satu tempat antara keduanya, mereka bertemu dengan rombongan dari Syam dan dikatakan Abu Ubaidah al-Jarrah sendiri. Apabila diberitahu berkenaan situasi di Syam yang sedang dilanda wabak ta'un, khalifah mengambil keputusan untuk pulang ke Madinah dan membatalkan hasrat untuk memasuki Syam. Abu 'Ubaidah al-Jarrah berkata kepada Saidina Umar, "adakah engkau ingin lari daripada takdir Allah?" Jawab Umar, "Alangkah baiknya seandainya bukan engkau yang berkata demikian wahai Abu 'Ubaidah! Benar, kami lari daripada takdir Allah kepada takdirNya. Apakah pendapatmu sekiranya engkau mempunyai seekor unta dan turun ke lembah yang mempunyai dua sisi; satunya subur dan satunya tandus. Apabila engkau mengembalanya ke tempat yang subur bukankah itu ketentuan Allah? Dan seandainya engkau mengembalanya ke tempat yang tandus bukankah itu juga merupakan takdir Allah?" (hadis no 5729).

Jawapan Saidina Umar dalam hadis ini jelas menunjukkan pemahaman beliau yang mendalam dalam konsep takdir. Dalam menjawab Abu 'Ubaidah, Saidina Umar menegaskan bahawa meskipun kesemua yang berlaku adalah tertakluk kepada ketentuan takdir, manusia diberikan pilihan dan sewajarnya memilih tindakannya selagi mana ia berada dalam kemampuannya. Saidina Umar telah memilih untuk tidak memasuki Syam bagi mengelakkan penularan wabak berbahaya ini ke Madinah. Tindakan Umar ialah satu bentuk kasb yang diusahakan dalam kemampuan beliau untuk menangani masalah wabak atau setidaknya-tidaknya mengelakkan ia daripada menjangkiti kawasan luar daripada

Syam. Dalam masa yang sama beliau tidak menolak bahawa tindakan beliau itu turut termasuk dalam ketentuan Allah SWT. Inilah nilai kesederhanaan yang diamalkan oleh golongan Ahli Sunnah dalam soal ketentuan dan ikhtiar.

KESIMPULAN

Menurut akidah Ahli Sunnah wal Jamaah penularan wabak seumpama COVID-19 termasuk dalam ketetapan Allah SWT yang telah tertulis sejak azali. Walau bagaimanapun ia berlaku seiring dengan sunnatullah yang bersangkutan paut dengan asbab dan musabbab makhluk. Justeru bagi menghadapi wabak ini manusia tidak boleh hanya berserah dengan anggapan segala-galanya telah ditentukan oleh takdir. Sebaliknya konsep kasb dan ikhtiar perlu digarap sebaiknya dan berusaha mengambil pendekatan dan tindakan untuk membendung penularan wabak selari dengan nas-nas syarak dan sunnah para sahabat. Namun begitu usaha dan ikhtiyar manusia tidak seharusnya mengatasi keyakinan bahawa Allah SWT sebagai pemilik takdir dan ketentuan alam. Meskipun takdir merupakan ketentuanNya manusia perlu menjalani kehidupan dengan berusaha semampu mungkin memandangkan tiada seorang pun yang tahu keadaan takdir seseorang dalam kehidupan.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Umar Ahmad. (2014). *Asas Akidah Islam*. Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan
- Al-Asy'ari, Abu al-Hasan Ali bin Ismail. (1955). *Kitab Al-Luma' fi Radd 'ala Ahl al-Zigh wa al-Bida'*. Al-Qahirah: Matba'ah Misr
- _____. (2009). *Al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyah
- Al-Baghawi, Hussayn bin Mas'ud. (1989). *Ma'alim al-Tanzil*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Fikr. 185
- Al-Baghdadi, Abu Mansur Abd al-Qahir. (1928). *Kitab Usul al-Din*. Istanbul: Matba'ah al-Dawlah. 134
- Al-Baqillani, Muhammad bin Tayyib. (1957). *Kitab Al-Tamhid*. Bayrut: al-Maktabah al-Syarqiyah. 286
- Al-Bukhari, Muahmmad bin Ismail. (2002). *Shahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar Ibn Kathir. 1451.
- Fuad Mahbub Siraj. (2013). *Perbuatan Manusia Pada Pandangan al-Asy'ari*. *Jurnal Universitas Paramadina*. 10 (3). 839-860
- Hadariansyah, AB. (2009). *Konsep Af'al al-Ibad Dalam Pemikiran Teologi Tokoh-Tokoh Besar Aliran Asya'irah*. *Jurnal Ilmu Usuluddin*. 8(1). 49-70
- Ibn Kathir, Abu al-Fida. (1992). *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Jil. 7. Bayrut: Maktabah al-Ma'arif. 92
- Al-Jami, Mulla Abd al-Rahman. (t.t). *al-Durrah al-Fakhirah fi Tahqiq Mazhab al-Sufiyah wa al-Mutakallimin wa al-Hukama fi Wujud Allah Ta'ala wa Sifatih*. Misr: Matba'ah Kurdistan al-'Ilmiah. 277
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. (1998). *Syarh al-Mawaqif*. Jil. 8. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah. 163
- Khairin Shareep. (2018). *Perkembangan Jamaah Tabligh di Malaysia: 1970-1990-an*. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities*. 25(1). 115-140
- Laman Web Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Covid-19: Maklumat Terkini*. Sumber: <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan> dicapai pada 1 April 2020 jam 10.50 PM
- Mohd Hamidi Ismail, Mohd Fauzi Hamat. (2015). *Af'al Allah Menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, *Afkar*. 17. 1-24
- Munish Chandra Pandey. (2020). *It's time to stay in mosques, Allah will save us: Tablighi Jamaat Chief told followers in leaked audio*. *India Today*. Diakses pada 5 April 2020 dari <https://www.indiatoday.in/india/story/it-s-time-to-stay-in-mosques-allah-will-save-us-tablighi-jamaat-chief-told-followers-in-leaked-audio-1662297-2020-04-01>
- Noor Atiqah Sulaiman. (2020). *KKM Jejak 5000 Peserta Tabligh Untuk Ujian COVID-19*. *Berita Harian Online*. Diakses pada 5 April 2020 dari <https://www.bhplus.com.my/berita/nasional/2020/03/664378/kkm-jejak-5000-peserta-tabligh-untuk-ujian-covid-19>
- Rafidah Mat Ruzki et. al. (2020). *Covid-19: 40 Peratus Kes Positif Dari Kluster Tabligh*. *Berita Harian Online*. Diakses pada 5 April 2020 dari

- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/672217/covid-19-40-peratus-kes-positif-dari-kluster-tabligh>
- Al-Sinan, Hamad dan al-'Anjari, Fawzi. (2010). *Ahl al-Sunnah al-'Asya'irah: Syahadah 'Ulama al-Ummah wa Adillatuhum*. Kuwayt: Dar al-Diya'
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. (1983). *Al-Asybah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah. 122
- Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. (2003). *Jami' al-Bayan 'an Takwil Ay al-Quran*. jil. 7. Misr: Hajr li al-Tiba'ah wa al-Tansyir. 240
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2009). *Faridah al-Faraid fi 'Ilm al-Tawhid Syeikh Ahmad al-Fathani Aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah Yang Sejati*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah
- Watt, W.Montgomery. (1985). *Islamic Philosophy and Theology An Extended Survey*. Edinburgh: Edinburgh University Press. 66
- Worldometer. (2020). *Coronavirus: Malaysia*. Dikemaskini pada 5 April 2020 02.49 GMT. Diakses pada 5 April 2020 dari <https://www.worldometers.info/coronavirus/country/malaysia/>
- Yan Rong-Guo, Qing Dong-Cao, Zhong Si-Hong et. al. (2020). *The Origin, Transmission and Clinical Therapies on Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Outbreak- An Update on the Status*. *Military Medical Research*. 7 (11). <https://doi.org/10.1186/s40779-020-00240-0>
- Al-Zamakhsyari, Mahmud bin Umar (2009). *Tafsir al-Kasysyaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil wa Waujuh al-Takwil*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah. 248
- Al-Zuhaili, Wahbah. (2009). *Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Jil. 3. Dimasyq: Dar al-Fikr. 173